

Cadangan buka semula 7/1/88 Balai Undang Luak Sungai Ujong dibantah

SEREMBAN, Rabu — Anak-anak Waris Negeri di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir hari ini membantah cadangan untuk membuka semula Balai Undang Luak Sungai Ujong di Jalan Tasik di sini bagi 'menjayakan penubuhan Jemaah Tertinggi Adat'.

Mereka juga membantah sebarang cadangan untuk menyerahkan balai itu kepada anak-anak Waris di Air, yang diketuai oleh Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong Shahari Haji Hassan.

Bantahan itu terkandung dalam sepucuk telegram yang dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku Pengerusi Dewan Keadilan dan Undang Negeri hari ini.

Telegram itu ditandatangani oleh Tuā Waris Negeri Perut Hilir, Datuk Maharajalela Zamhari Haji Abdul Rahman bagi pihak anak-anak Waris Negeri di Darat daripada kedua-dua Perut berkenaan.

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, Datuk Maharajalela Zamhari berkata keputusan untuk mempersembahkan telegram itu kepada Yang Dipertuan Besar mendapat restu Tuā Lembaga Waris di Darat, Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin.

"Kami membantah sebarang cadangan untuk membuka semula Balai Undang Luak Sungai Ujong di Jalan Tasik Seremban bagi diserahkan kepada anak-anak Waris di Air yang diketuai oleh Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan.

"Balai itu hanya boleh digunakan oleh anak-anak Waris di Darat yang bertiang-balaikan Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin," tegasnya.

Datuk Maharajalela Zamhari meminta mereka yang bukan daripada kalangan Waris Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) terutama lembaga serta anak-anak Waris di Air supaya jangan mencampuri urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10:

Menurutnya, urusan pemilihan bakal penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 adalah menjadi hak mutlak anak-anak Waris Negeri di Darat Luak Sungai Ujong.

Ini selaras dengan kata adat 'ibarat durian beruang-ruang dan ibarat sawah 'berlopak-lopak', katanya.

Sementara itu, pengamal-pengamal adat di sini berkata beberapa orang Datuk Lembaga Tiang Balai dan ketua-ketua adat Luak Sungai Ujong cuba 'memburukkan lagi' krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 dengan cara menubuhkan jemaah berkenaan bagi kepentingan sendiri.

Mereka berkata Dewan Keadilan dan Undang Negeri tidak pernah